



## MARI BERKREATIF: GUBAHAN BUNGA, COKLAT ATAU WANG KERTAS

Maisurah Shamsuddin


Apakah yang anda fikirkan untuk diberikan sebagai hadiah hari lahir atau hadiah untuk orang tersayang? Sekiranya masih mencari-cari hadiah yang sesuai, jom kita hasilkan satu gubahan yang cantik dipenuhi coklat atau wang kertas atau apa sahaja yang menarik dan sesuai. Mari ikuti langkah-langkah asas seperti berikut:

**Langkah 1:** Sediakan bahan-bahan yang diperlukan seperti gam tembak, pita selofan, gunting, kertas pembalut, lidi pelbagai saiz (lidi cucuk satay pun boleh), getah/tali, span bunga, riben serta bahan-bahan utama yang diperlukan iaitu bunga hiasan, coklat atau wang kertas seperti yang telah ditunjukkan di dalam Rajah 1.



Rajah 1: Bahan yang diperlukan

**Langkah 2:** Lekatkan lidi pada setiap bahan hiasan tadi dengan menggunakan gam tembak supaya ianya melekat dengan kuat seperti dalam Rajah 2. Sekiranya hendak menggunakan wang kertas, boleh digulung atau dilipat terlebih dahulu mengikut citarasa sendiri sebelum dilekatkan dengan lidi (Rajah 3).



Rajah 2



Rajah 3

**Langkah 3:** Cucuk setiap lidi tadi ke atas gabus mengikut susunan dan kreativiti masing-masing. Susunan tersebut boleh dihias seperti Rajah 4 atau contoh lain pada Rajah 5.



Rajah 4



Rajah 5

**Langkah 4:** Sediakan 4 atau 5 helai kertas pambalut. Gunting/potong kertas pambalut kepada dua dan empat bahagian mengikut kesesuaian (Rajah 6). Cara ukuran yang boleh digunakan untuk mendapatkan potongan pertama kertas pambalut adalah seperti dalam Rajah 7. Kemudian, ambil tiga bahagian kertas pambalut tadi untuk dilipat dan disusun seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8.



Rajah 6

Rajah 7



Rajah 8



**Langkah 5:** Letakkan hasil gubahan pada langkah 3 tadi di atas kertas pembalut yang telah siap disusun tadi seperti dalam Rajah 9. Ikat menggunakan getah (Rajah 10) dan untuk kukuhkan lagi, boleh diikat menggunakan tali. Susunan kertas pembalut untuk diikat adalah mengikut kesesuaian dan kreativiti masing-masing. Lebih kertas pembalut yang ada akan digunakan untuk menutup bahagian hadapan (gunting menjadi 4 bahagian) dan kemudian lipat dan ikat dengan getah atau tali seperti dalam Rajah 11. Langkah akhir adalah dengan meletakkan atau mengikat bahagian tadi dengan riben (Rajah 12) mengikut kreativiti sendiri supaya ianya nampak lebih menarik.



Rajah 9



Rajah 10



Rajah 11

Rajah 12

Hanya 5 langkah mudah yang perlu diikuti untuk menghasilkan gubahan yang ringkas, cantik, dan menarik.

**Selamat Mencuba!**

Berikut adalah hasil gubahan kreatif dari sentuhan Pn Zurairah Shamsuddin yang boleh dijadikan sebagai contoh. Moga mendapat inspirasi.

